



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2024

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

Oktober 2024

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Kertas jawapan objektif hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **16** halaman bercetak.

- 1 Berikut merupakan wilayah di bawah Kesultanan Melayu Melaka.

- Lingga
- Patani

Wilayah ini diperoleh melalui

- A perjanjian
 - B persahabatan
 - C peperangan
 - D pertukaran
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan fasal 9 Undang-Undang Laut Melaka.

Jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan, dia akan dijatuhi hukuman bunuh.

Mengapakah hukuman tersebut dijatuhkan kepada malim?

- A Memelihara imej kerajaan
 - B Memastikan tiada kerugian
 - C Memastikan pelayaran selamat
 - D Melicinkan aktiviti perdagangan
- 3 Tokoh berikut memberikan tafsiran berkaitan konsep nasionalisme.

- Dato' Onn Jaafar
- Hans Kohn

Apakah tafsiran tersebut ?

- A Membela orang Melayu
- B Menegakkan agama
- C Menentang penjajah
- D Memperjuangkan bangsa

- 4 Pasangan pernyataan yang manakah **betul** tentang tujuan gerakan nasionalisme di Thailand dengan negara lain di Asia Tenggara?

	Thailand	Negara Asia Tenggara Lain
A	Menentang kuasa asing	Menentang sistem beraja
B	Menentang raja berkuasa mutlak	Menentang penjajahan kuasa asing
C	Mengembalikan kuasa raja	Mengembalikan kuasa golongan agama
D	Membela nasib golongan imigran	Mengurangkan golongan imigran

- 5 Gambar berikut menunjukkan institusi pendidikan yang ditubuhkan di Tanah Melayu sekitar tahun 1920-an.



Maktab Melayu Kuala Kangsar

Apakah kesan penubuhan institusi tersebut?

- A Melahirkan pemimpin tempatan
- B Mewujudkan pentadbir agama
- C Membentuk perpaduan kaum
- D Memodenkan media cetak

- 6 Penekanan pendidikan peringkat rendah oleh British pada awal abad ke-20 telah menyukarkan usaha meningkatkan taraf hidup rakyat.
Bagaimanakah isu ini ditangani oleh Zainal Abidin Ahmad?
- I Mengkritik rakyat melalui akhbar
 - II Mencadangkan penambahan sekolah
 - III Meningkatkan kesedaran pendidikan tinggi
 - IV Memperkenalkan kurikulum bahasa Inggeris
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Mengapakah Jerman melancarkan pengeboman terhadap Britain semasa Perang Dunia Kedua?
- A Melumpuhkan ekonomi
 - B Menuntut tanah jajahan
 - C Menguasai Eropah Timur
 - D Membuktikan kekuatan tentera
- 8 Apakah faktor yang mendorong kedatangan Jepun ke negara kita semasa Perang Dunia Kedua?
- A Kekurangan bekalan makanan
 - B Kelemahan pemerintah Barat
 - C Kedudukan strategik ketenteraan
 - D Keinginan memajukan orang Melayu

- 9 Berikut merupakan pasukan yang ditubuhkan ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Giyu Tai

Apakah peranan pasukan tersebut?

- A Melancarkan gerakan gerila
 - B Mengumpul maklumat risikan
 - C Mempertahankan persisiran pantai
 - D Menggerakkan Persatuan Cina seberang laut
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan British di Tanah Melayu.

- Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja
- Kewarganegaraan *jus soli*

Maklumat tersebut merujuk kepada

- A Malayan Union
- B British Military Administration
- C Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu

11 Mengapakah penduduk tempatan menyokong penyerahan Sarawak kepada British?

- I Memajukan penduduk setempat
- II Memastikan keselamatan sentiasa terjamin
- III Meningkatkan pengaruh pemimpin tempatan
- IV Memberikan pekerjaan dalam perkhidmatan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Ahli Parlimen British berikut telah membuat tinjauan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• L.D. Gammans• Rees Williams |
|--|

Apakah hasil tinjauan tersebut?

- A Berlaku huru-hara
- B Parti politik berpecah
- C Rusuhan kaum tercetus
- D Campur tangan kuasa asing

13 Gerakan Komunis Antarabangsa telah menganjurkan persidangan di Calcutta, India pada tahun 1948.

Apakah gesaan daripada persidangan tersebut?

- A Menentang kuasa imperialis
- B Memulihkan kedudukan raja
- C Memantapkan sistem feodal
- D Memberi kebebasan bersuara

- 14 Sir Henry Gurney telah mengambil langkah menawan hati penduduk Cina melalui penubuhan parti politik berorientasikan tempatan semasa darurat. Apakah parti tersebut?
- A All Malaya Council of Joint Action
B Malayan Chinese Association
C Independence Malayan Party
D People's Progressive Party
- 15 Syarat kewarganegaraan dilonggarkan adalah bukti tolak ansur orang Melayu ke arah perpaduan kaum dalam negara. Mengapakah orang Melayu menerima tolak ansur tersebut?
- A Mengadakan pilihan raya
B Memberi bantuan ekonomi
C Membenarkan kemasukan imigran
D Menyeragamkan sistem pendidikan
- 16 Senarai berikut berkaitan dengan kandungan sistem pendidikan untuk memupuk perpaduan.

- Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil
- Sekolah Menengah Kebangsaan menggunakan bahasa Melayu

Laporan manakah mencadangkan syor berikut?

- A Kajian Aminuddin Baki
B Laporan Fenn-Wu
C Laporan Pelajaran
D Penyata Razak

- 17 Proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diberikan tempoh 45 hari untuk kempen pilihan raya.
Apakah kepentingan proses tersebut?
- A Mendaftarkan calon
 - B Meraih sokongan pengundi
 - C Menentukan kawasan bertanding
 - D Membentuk pakatan parti politik
- 18 Apakah terma yang diberi perhatian oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menjalankan tugasnya?
- I Kepentingan sah kaum lain
 - II Penentuan sempadan negeri
 - III Pengekalan pegawai Barat
 - IV Kedudukan istimewa orang Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Seramai 300 orang pegawai kerajaan diberi kursus khas berkaitan dengan protokol.

Apakah protokol tersebut ?

- A Mengiringi tetamu jemputan
- B Menentukan lambang negara
- C Merancang aktiviti kemerdekaan
- D Mengambil bahagian dalam perbarisan

- 20 Sistem pemerintahan berikut diamalkan di Malaysia sejak tahun 1957.

Demokrasi Berparlimen

Bagaimanakah sistem tersebut berfungsi?

- A Raja membentuk kerajaan
 - B Rakyat memilih pemerintah
 - C Majlis Raja-raja melantik Perdana Menteri
 - D Jemaah Menteri mentafsir undang-undang
- 21 Jadual berikut berkaitan dengan konsep kedaulatan.

Bahasa	Istilah
Yunani	<i>Superanus</i>
Inggeris	<i>Sovereignty</i>
Melayu	Daulat
Arab	Daulah

Apakah yang dimaksudkan dengan kedaulatan?

- A Kepatuhan rakyat
- B Kekuasaan tertinggi
- C Kesamarataan kuasa
- D Kesetiaan kepada negara



- 22 Senarai berikut berkaitan usaha melaksanakan dasar sosial yang dilakukan kerajaan selepas memperoleh kedaulatan negara.

- Rukun Negara
- Bahasa Kebangsaan
- Kebudayaan Kebangsaan

Apakah tujuan dasar tersebut dilaksanakan?

- A Menghalang ancaman asing
- B Meningkatkan taraf hidup
- C Mendisiplinkan rakyat
- D Memupuk perpaduan

- 23 Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak telah dilaksanakan pada tahun 1877.

Apakah kepentingan mesyuarat tersebut?

- A Menentukan bidang kuasa kerajaan negeri
- B Membentuk struktur pemerintahan kerajaan
- C Memajukan pembangunan pentadbiran tempatan
- D Merintis jalan pembentukan undang-undang negara

- 24 Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kehakiman?

- A Melantik Peguam Negara
- B Memanggil Parlimen bersidang
- C Memperkenan rang undang-undang
- D Menangguhkan hukuman yang telah dijatuhkan

- 25 Peristiwa berikut berlaku semasa pendudukan Jepun.

Tahun	Peristiwa
Januari 1943	Persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera dengan pemerintah tentera Jepun di Singapura

Apakah pengiktirafan yang diperoleh oleh Raja-raja Melayu dalam persidangan tersebut?

- A Pemutus undang-undang negeri
 - B Pemerintah kerajaan persekutuan
 - C Pemimpin hal ehwal agama Islam
 - D Penentu dasar pentadbiran kerajaan
- 26 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17.



Apakah kepentingan institusi Yang di-Pertuan Agong?

- I Meningkatkan ekonomi
 - II Memupuk perpaduan
 - III Menjamin kedaulatan
 - IV Menggubal undang-undang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 27 Pasangan manakah yang **betul** berkaitan pembahagian kuasa kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.

	Senarai	Bidang kuasa
A	Persekutuan	Tanah
B	Negeri	Perubatan
C	Tempatan	Pertahanan
D	Bersama	Biasiswa

- 28 Mengapakah kerajaan memperkenalkan Pembangunan Koridor Wilayah pada tahun 2005?

- A Memajukan pertanian komersil
- B Membangunkan perumahan rakyat
- C Melaksanakan pembangunan *In-Situ*
- D Menyeimbangkan pembangunan negeri

- 29 Maklumat berikut berkaitan konsep gagasan Malaysia yang diperjuangkan oleh nasionalis Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Melayu Raya

Apakah tujuan pembentukan konsep tersebut?

- A Memudahkan pentadbiran
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Mendapatkan kemerdekaan
- D Memajukan taraf hidup rakyat

- 30 Indonesia telah menentang pembentukan Malaysia dengan melancarkan dasar konfrontasi.

Bagaimanakah Indonesia melaksanakan dasar tersebut di Tebedu?

- A Serangan gerila
- B Berbalas tembakan
- C Sabotaj kemudahan asas
- D Pendaratan separa tentera

- 31 Maklumat berikut berkenaan krisis perlembagaan di Sarawak.

Pemecatan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak pada Jun 1966.

Apakah kesan sekiranya kerajaan gagal mengatasi krisis tersebut?

- A Kestabilan politik
- B Keselamatan tergugat
- C Kerjasama pemimpin erat
- D Kemakmuran sosioekonomi

- 32 Rancangan Malaysia Pertama dilaksanakan untuk mengatasi isu pembangunan ekonomi negara.

Apakah isu tersebut?

- I Pengangguran menurun
- II Taraf hidup rakyat rendah
- III Masalah kesihatan rakyat
- IV Harga bahan mentah meningkat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Apakah usaha kerajaan memperkasakan perpaduan kaum melalui bahasa Melayu?
- A Rukun Negara
 - B Citrawarna Malaysia
 - C Pembangunan wilayah
 - D Universiti Kebangsaan Malaysia

- 34 Pernyataan berikut menunjukkan prinsip pertama Rukun Negara.

Kepercayaan Kepada Tuhan

Mengapakah prinsip tersebut penting kepada rakyat Malaysia?

- A Mengukuhkan ekonomi
 - B Melindungi hak masyarakat
 - C Memupuk perpaduan kaum
 - D Membentuk keperibadian baik
- 35 Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melahirkan usahawan muda yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara melalui Industri Kecil dan Sederhana?
- A Amanah Saham Bumiputera
 - B Perbadanan Nasional Berhad
 - C Lembaga Pertubuhan Peladang
 - D Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

36 Apakah agensi yang terlibat dalam projek penswastan syarikat perniagaan milik bumiputera?

- I Majlis Amanah Rakyat
- II Perbadanan Nasional Berhad
- III Perbadanan Pembangunan Bandar
- IV Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37 Apakah ikatan sejarah yang telah menjadi faktor penggubalan dasar luar Malaysia?

- A Sosial
- B Ekonomi
- C Keagamaan
- D Pentadbiran

38 Apakah manfaat kerjasama yang dibentuk oleh Malaysia sebagai rakan dagang ASEAN?

- A Pemotongan cukai barangan
- B Kerjasama dalam kebudayaan
- C Perpaduan antara negara terjalin
- D Kestabilan negara dapat dikekalkan

- 39 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Pencinta Alam di Eropah telah melancarkan kempen antiminyak sawit.

Mengapakah kempen tersebut dilancarkan?

- I Menyebabkan pencemaran alam
- II Memusnahkan habitat haiwan liar
- III Memudaratkan kesihatan manusia
- IV Melanggar akta perdagangan dunia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 40 Pernyataan berikut berkaitan program bantuan yang disalurkan oleh rakyat Malaysia.

Program Freedom Flotilla

Apakah tujuan program tersebut dilaksanakan?

- A Memberikan bantuan kemanusiaan kepada Syria
- B Membangunkan infrastruktur di Sri Lanka
- C Menyalurkan bantuan perubatan ke Palestin
- D Melaksanakan pendidikan percuma kepada penduduk Aceh

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT